



SIARAN MEDIA

CUTI-CUTI 1MALAYSIA NIGHT TOURISM FAIR KEMBALI LAGI!

SHAH ALAM, 23 OKT 2012: Tourism Malaysia menasarkankan seramai 70,000 pengunjung dengan jualan keseluruhan pakej pelancongan domestik sebanyak RM400,000 pada edisi kedua *Cuti-Cuti 1Malaysia (CC1M) Night Tourism Fair* yang akan diadakan pada 2 hingga 4 November 2012 di i-City, Shah Alam.

Sasaran yang ditetapkan ini adalah bersandarkan kepada sambutan memberangsangkan daripada orang ramai pada edisi sulung *CC1M Night Tourism Fair* pada tahun 2011 yang melibatkan 66 pempamer daripada pelbagai agensi pelancongan dan pengusaha produk pelancongan yang telah berjaya menjual sebanyak 992 buah pakej jualan bernilai RM218,024.82 sepanjang tiga hari pameran berlangsung, manakala dianggarkan sebanyak 40% lagi terjual selepas pameran berlangsung.

Pada tahun ini, 68 pempamer yang terdiri daripada pelbagai agensi pelancongan tempatan, organisasi perhotelan, sektor pengangkutan serta agensi-agensi berkaitan akan menyertai pameran pelancongan domestik waktu malam ini.

CC1M Night Tourism Fair kali ini akan turut menyelitkan acara 'Karnival Homestay Selangor' bagi meningkatkan promosi inap desa di kalangan para pelancong domestik dan ekspatriat. Para pengusaha inap desa yang terlibat akan mempamerkan pelbagai produk dan pakej sambil membuat demonstrasi kraftangan serta persembahan kebudayaan tradisional yang menjadi tarikan di kampung masing-masing seperti kuda kepang, cempuling, ghazal dan sebagainya.

Para pengunjung pameran pelancongan ini akan turut dihiburkan dengan pelbagai segmen menarik seperti persembahan pelbagai artis tempatan, alunan permainan angklong, persembahan kebudayaan Mah Meri dan persembahan Boboiboy selain terdapat pertandingan mewarna, melukis karikatur, seni lukisan pasir, kuiz pelancongan dan pelbagai lagi persembahan menarik.

CC1M Night Tourism Fair merupakan salah satu usaha Tourism Malaysia untuk membantu mempromosikan pelbagai produk pelancongan domestik

secara lebih bersepadu di samping memperkasakan lagi kempen domestik Cuti-Cuti 1Malaysia di kalangan masyarakat tempatan.

Pameran pelancongan domestik ini juga diadakan pada waktu malam supaya lebih santai dan memudahkan orang ramai untuk membeli pelbagai pakej pelancongan domestik secara terus pada harga yang kompetitif dan berpatutan.

Pameran selama tiga hari ini akan bermula dari jam 5.00 petang dan berakhir pada pukul 12.00 tengah malam.

Timbalan Menteri Pelancongan Malaysia, YB Dato Dr. James Dawos Mamit dijangka akan merasmikan pameran pelancongan *Cuti-Cuti 1Malaysia Night Tourism Fair* pada 2 November 2012, jam 8.00 malam bertempat di i-City, Shah Alam, Selangor.

Mengenai i-City, Shah Alam

i-City merupakan pusat tumpuan pelancongan malam hari yang paling popular di Malaysia dan terkenal dengan gelaran "City of Digital Lights" kerana limpahan cahaya warna-warni yang menyinari seluruh taman tema tersebut setiap malam. Antara tarikan lain yang terdapat di situ adalah Snowalk yang memperkenalkan taman tema konsep salji dan iklim sejuk kepada orang ramai.

Menjelang November 2012, i-City akan memperkenalkan tarikan terbarunya iaitu taman tema air, WaterWorld@i-City.

WaterWorld@i-City merupakan satu-satunya taman tema air di rantau Asia Tenggara yang menawarkan permainan air terkenal, Tornado Ride yang dipelopori di Kanada sejak sembilan tahun lalu.

WaterWorld juga boleh menampung kira-kira 5,000 pengunjung pada satu-satu masa dan turut menawarkan jakuzi gergasi dan pantai buatan serta skrin LCD bagi penganjuran konsert ataupun majlis.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan i-City, purata pengunjung pada hujung minggu iaitu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad adalah seramai 60,000 hingga 70,000 orang setiap hari.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Encik Mohammad Nor Ismail, Pengarah Tourism Malaysia- Selangor/Putrajaya di talian 03-5510 9100.

Disediakan oleh: Bahagian Komunikasi dan Publisiti, Tourism Malaysia
Tel: 03-8891 8000 Faks: 03-8891 8788

E-mel: sitirahmah@tourism.gov.my Laman web: www.tourismmalaysia.gov.my
Facebook: <http://www.facebook.com/friendofmalaysia>
Twitter: <http://twitter.com/tourismmalaysia> Blog: <http://blog.tourism.gov.my>